

## INDUSTRI TANAMAN GETAH DI MELAKA, 1984-1996

### *RUBBER PLANTATION INDUSTRY IN MELAKA, 1984-1996*

**Muhammad Hafizi Rahmat\***  
**Arba'iyah Mohd Noor\*\***  
**Universiti Malaya, MALAYSIA**

#### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan meninjau usaha-usaha kerajaan untuk memajukan industri tanaman getah di Melaka bagi tahun 1984 hingga 1996. Kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeluar kira-kira 38% getah dunia mendorong kepada kerajaan untuk mengembangkan industri getah di negara ini menerusi pengenalan dasar pertanian negara pada tahun 1984. Dasar ini merupakan suatu pelan tindakan untuk meningkatkan keluasan kawasan tanaman getah dan hasil keluaran getah asli negara berikutan prospek permintaan komoditi getah diramalkan ketika itu akan mencecah sehingga enam juta tan metrik pada tahun 2000. Sehubungan dengan itu, fokus perbincangan akan melihat sejauh mana dasar pertanian negara yang terbentuk pada tahun 1984 sehingga 1996 mampu meningkatkan kapasiti keluasan kawasan tanaman untuk sektor kebun kecil getah pada tempoh sebelum berlaku krisis kewangan Asia 1997. Untuk tujuan ini, kaedah kajian kualitatif digunakan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan yang diutarakan dalam penyelidikan ini. Kajian ini menggunakan beberapa sumber berwibawa sama ada sumber primer dan sekunder seperti laporan tahunan, dokumen rasmi kerajaan yang didapati dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka, dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Melaka. Dapatan kajian menunjukkan pengenalan dasar pertanian negara semenjak tahun 1984 secara jelas telah membawa perubahan terhadap sektor penanaman getah yang memberi kesan langsung kepada pertumbuhan sektor pertanian negeri. Beberapa strategi pembangunan komoditi getah yang dijalankan seperti penyediaan insentif modal dan input, pertanian *In-Situ* dan pemerkasaan program latihan telah meningkatkan produktiviti getah.

**Kata Kunci:** Industri Getah, RISDA, Kebun Kecil, Tanaman, Melaka

#### **Abstract**

*This article aims to review the government's efforts to develop the rubber plantation industry in Malacca from 1984 to 1996. Malaysia's position as one of the producing countries of about 38% of the world's rubber gave impetus to the government to develop the rubber industry in the country through the introduction of the National Agricultural Policy in 1984. This policy is an action plan to increase the area of rubber plantations and the country's natural rubber output due to the prospect of rubber commodity demand is predicted to reach up to six million metric tons in 2000. In this regard, the focus of the discussion will be on the extent to which the country's agricultural policy formed in 1984 to 1996 was able to increase the capacity of*

*cropping areas for the rubber smallholder sector in the period before the 1997 Asian financial crisis. For this purpose, qualitative research methods are used to obtain answers to the questions posed in this research. This study uses several authoritative sources, both primary and secondary sources such as annual reports, official government documents obtained from the National Archives of Malaysia, the National Archives of Malaysia Malacca Branch, and the Malacca State Library Corporation. The finding shows that the introduction of the National Agricultural Policy since 1984 has clearly brought changes to the rubber planting sector which has a direct impact on the growth of the state's agricultural sector. Several rubber commodity development strategies carried out such as the provision of capital and input incentives, in-Situ agriculture and empowerment of training programs have increased rubber productivity.*

**Keywords:** *Rubber Industry, RISDA, Small Garden, Crops, Melaka*

## **Pengenalan**

Negeri Melaka merupakan sebuah negeri berkeluasan kecil yang meliputi kawasan 165,600 hektar persegi selepas Perlis dan Pulau Pinang serta mempunyai tiga buah daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.<sup>1</sup> Bentuk muka bumi di Melaka pada keseluruhannya adalah rata dan beralun, sekali gus banyak mempengaruhi kemajuan pembangunan industri pertanian. Keadaan fizikal tanah pula bagi kawasan pertanian terdiri daripada 75% atau 124,788 hektar. Jumlah ini meliputi sebahagian daripada jumlah keluasan keseluruhan negeri sehingga tahun 1984. Angka ini membuktikan bahawa aktiviti pertanian masih menjadi sebagai kegiatan ekonomi utama sebahagian besar pekerjaan penduduk di Melaka terutama di luar bandar.<sup>2</sup> Terdapat beberapa tanaman utama diusahakan oleh penduduk Melaka iaitu getah, kelapa, kelapa sawit dan padi serta lain-lain tanaman seperti koko, kopi, tembakau, buah-buahan, tebu dan sayur-sayuran. Ciri iklim tropika yang lembap ekoran dipengaruhi musim hujan yang turun dan panas pada setiap tahun serta purata suhu tahunan sederhana antara 26 darjah celsius sehingga 27 darjah celsius secara relatif merangsang jenis tanaman saka seperti getah yang dapat tumbuh membiak dan membesar dengan sihat sehingga tempoh matang.<sup>3</sup> Bahkan, jenis tanah kategori 'loam' yang disifatkan subur di merata kawasan dalam ketiga-tiga daerah negeri ini juga menggalakkan tanaman getah berkembang dengan meluas sama ada secara estet mahupun kebun kecil.

Menyorot perspektif sejarah, getah bukan dianggap suatu tanaman baharu dalam konteks pertanian di Melaka. Tanaman ini pertama kali diperkenalkan sejak tahun 1896. Getah menjadi antara projek perintis terhadap kegiatan pertanian secara komersial di Tanah Melayu pada hujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Tanaman getah bermula di Melaka pada tahun 1890-an semasa Tan Chay Yan melawat Henry Ridley di Singapura dan telah membawa pulang dua jenis baka getah selepas bertemu dengan Henry Ridley. Atas dorongan seorang rakan yang dikenali sebagai Dr Lim Boon Keng, mereka bersepakat menanam dua jenis baka getah yang diperoleh iaitu *Hevea Brasiliensis* dari Amazon dan *Ficus Elastica* di atas sebuah tapak berkeluasan 22 ekar di Bukit Lintang. Hasil eksperimen terhadap kedua-dua jenis baka benih getah tersebut membuahkan hasil dan ini sekali gus meyakinkan

beliau untuk mengembangkan tanaman tersebut. Petunjuk awal terhadap penanaman getah secara besar-besaran di Melaka adalah pada tahun 1898 setelah Tan Chay Yan menubuhkan kumpulan sindiket Cina Selat untuk menanam getah di bawah sebuah syarikat bernama *Bukit Asahan Estate* yang merupakan anak syarikat di bawah *Malacca Rubber Plantation* dan *Tapioca Company*.<sup>4</sup> Kewujudan syarikat tersebut terkait dengan perkembangan industri kereta bermotor yang rancak di seluruh dunia ketika itu secara besar-besaran. Dalam perkembangan ini, penciptaan kenderaan bermotor tersebut amat memerlukan bekalan bahan mentah berasaskan getah untuk menghasilkan tayar kenderaan.<sup>5</sup>

Melaka mengalami pembangunan yang pesat sejak di bawah penguasaan British lebih-lebih lagi selepas tahun-tahun 1880-an. Kemerosotan Melaka dalam aktiviti perdagangan pada awal abad ke-19 memberikan isyarat baharu terhadap fokus peralihan dasar pemerintahan British terarah kepada pengukuhan sistem pentadbiran yang cekap dan efisien terlebih dahulu. Hasil beberapa perubahan dalam pentadbiran seperti hal ehwal tanah dan percukaian, membolehkan tumpuan pembangunan ekonomi pula menjadi sasaran jangka panjang British. Pada ketika itu, dasar neomerkantisme yang menjadikan tanah jajahan seperti Melaka sebagai pembekal sumber bahan mentah kepada British menyebabkan banyak kemudahan infrastruktur telah dibangunkan. Misalnya, kemudahan pengangkutan kereta api yang menghubungkan antara sesebuah lokasi estet ke pelabuhan seperti mana rangkaian kemudahan landasan kereta api dari Tampin ke Melaka serta dari Kuala Lumpur ke Melaka menggalakkan lagi aktiviti pertanian komersial getah kian meluas (Kim, K.K, 1980). Situasi ini secara tidak langsung memberi dampak yang besar terhadap perkembangan sektor pertanian komersial dengan lebih cepat selari dengan kedudukan Melaka yang begitu strategik di samping bentuk muka bumi Melaka yang tidak begitu mencabar.

Senario pembangunan tersebut membuka mata pengusaha getah terutama orang Cina untuk mengambil peluang yang cerah ini ekoran permintaan komoditi getah yang semakin tinggi pada peringkat pasaran antarabangsa ketika itu. Langkah ini menyebabkan *Syarikat Bukit Asahan Estate* berusaha untuk membuka sebuah kawasan baharu estet getah di Jasin. Hasil usaha itu, syarikat tersebut berjaya memperoleh hak milik tanah di atas kawasan seluas 3000 ekar di Bukit Asahan untuk meningkatkan kapasiti tanaman getah secara berperingkat-peringkat. Dengan pembukaan estet getah di Bukit Asahan, syarikat ini mencipta garis permulaan dalam memajukan industri getah apabila berjaya mengeluarkan hasil susu getah sebanyak 1,000 tan lbs pada tahun 1897 dan mencecah 18,500 tan lbs dari Melaka pada tahun 1906.<sup>6</sup> Beberapa keluarga hartawan Cina tempatan yang mempunyai hubungan akrab dengan pemodal-pemodal Eropah yang berpangkalan di Singapura telah memainkan peranan untuk menggerakkan usaha penanaman getah dengan membentuk kumpulan-kumpulan estet yang menjadi tauke-tauke ladang besar seperti *Nyalas Rubber Estate Limited*, *Malacca Pindah Rubber Estate*, *Kew Rubber Estate*, *Diamond Jubilee Estate* dan beberapa lagi. Kejayaan tanaman getah secara besar-besaran itu menobatkan Melaka sebagai pengeluar getah jenis *Hevea* terbesar di dunia pada awal dekad ke-20. Berita kejayaan penanaman getah secara besar-besaran di Bukit Asahan ini mencetuskan permulaan sejarah penanaman getah secara perladangan di Tanah Melayu menjelang tahun 1910. Strategi ini bermula apabila Tan Chay Yan

menandatangani satu perjanjian dengan *Malacca Rubber Plantations Limited* (MRPL) yang baru ditubuhkan di London untuk menjual estet getah di Bukit Asahan dengan harga bernilai \$2 juta.<sup>7</sup> Kesan penjualan estet getah berkenaan memperlihatkan getah mula menjadi tanaman pelopor yang cerah terutama bagi menarik pemodal-pemodal Eropah ke Tanah Melayu. Perkembangan ini menjadi titik permulaan kepada kesan terhadap landskap perubahan sosioekonomi negeri Melaka juga sehingga kemerdekaan pada tahun 1957.

Selepas kemerdekaan, momentum penanaman getah terus dipergiatkan sebagai usaha memperkukuhkan struktur ekonomi negeri dan menjadi medium pihak kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka untuk mentransformasi taraf hidup penduduk luar bandar. Sungguhpun demikian, amalan ekonomi dualisme dalam sektor tanaman getah didapati masih lagi wujud dengan corak pertanian perkebunan kecil masih menghadapi masalah berkaitan struktur, khusus dari segi ketidakcekapan tatakelola pengurusan, tingkat produktiviti, dan daya persaingan yang membawa perbezaan kepada jurang pendapatan.<sup>8</sup> Kendati pun begitu, senario ini tidak dianggap sebagai penghambat kepada perkembangan industri tanaman getah kerana kerajaan melihat potensi tanaman getah mampu mewujudkan persaingan yang sihat dalam memastikan sektor getah terus relevan merentasi peredaran masa dan memenuhi keperluan pasaran dunia serta hasil eksport komoditi Malaysia. Oleh sebab itu, pada peringkat kerajaan, tindakan dan keperluan usaha yang perlu dilakukan adalah dengan menerapkan mekanisme-mekanisme pertanian yang lebih moden dan meninggalkan amalan pertanian tradisional supaya seiring dengan kemajuan teknologi dan permintaan pasaran yang saling menyokong melalui dasar komoditi dan kewujudan agensi-agensi pertanian dan pembangunan tanah khusus dalam menyokong pertumbuhan industri getah.

Sehingga akhir dekad tahun 1990-an, industri getah melalui fasa baharu yang tersusun semenjak pembabitan agensi-agensi kerajaan secara langsung dalam sektor getah sebagai tanaman industri. Pada peringkat pelaksanaan dasar, kebanyakan penanaman getah dijalankan secara kegiatan pembangunan tanah sebagai langkah untuk memperluaskan tanaman ini.<sup>9</sup> Setiap agensi melaksanakan inisiatif-inisiatif tersendiri sejajar dengan objektif penubuhan institusi masing-masing sama ada berbentuk program penanaman semula, pemulihan tanah-tanah kebun getah terbiar dan tidak ekonomik, serta pembukaan kawasan baharu tanaman. Di sinilah memperlihatkan kewujudan agensi kerajaan yang terlibat bertanggungjawab dalam memastikan sasaran keluasan getah yang ditetapkan kerajaan tercapai bukan sahaja dari sudut tingkat pengeluaran malah membantu meningkatkan kebajikan kumpulan komuniti miskin yang masih tinggi dalam kalangan pekebun kecil. Antara agensi berkenaan termasuklah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) serta Skim Rancangan Tanah Pinggir.<sup>10</sup> Penanaman getah di Melaka sahaja telah dilaksanakan dalam kalangan beberapa agensi yang meliputi penanaman secara estet mahupun perkebunan kecil seperti di bawah kendalian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Skim Rancangan Tanah Pinggir, Kebun-kebun kecil kelolaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil

Perusahaan Getah (RISDA) dan juga ladang-ladang besar milik syarikat swasta tempatan.<sup>11</sup>

Di samping itu, kerajaan turut menubuhkan institusi-institusi sokongan yang berperanan untuk membantu mengembangkan khidmat pengembangan dan kemajuan tanaman getah dalam membina dan meningkatkan kualiti serta hasil yang berterusan kepada ekonomi negeri dan negara seperti *Malaysian Rubber Development Corporation* (MARDEC), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) yang kemudiannya bergabung dengan beberapa badan institusi getah yang lain dan membentuk Lembaga Getah Malaysia pada tahun 1991. Kesemua agensi tersebut bekerja secara kolektif untuk mempercepat dan mengembangkan tanaman itu berikutan prospek permintaan yang tinggi terhadap bekalan getah dunia pada pasaran antarabangsa dalam kalangan negara-negara perindustrian. Penubuhan agensi-agensi pertanian berkenaan telah membawa banyak perubahan iaitu menerusi elemen modenisasi bagi setiap program pembangunan yang bertujuan memesatkan pengeluaran getah melalui aktiviti penyelidikan, khidmat bantuan sokongan pengembangan, kejenteraan moden, penyediaan kemudahan infrastruktur, latihan dan lain-lain.<sup>12</sup> Hasil usaha kerajaan dalam meningkatkan keluaran getah telah menampakkan beberapa petunjuk kemajuan positif dari sudut keterlibatan pekebun, penambahan keluasan penanaman baharu getah dan peningkatan hasil getah asli. Justeru, gambaran perkembangan yang berlaku akan membawa penekanan terhadap makalah ini untuk membincangkan sejauh mana keberkesanan industri tanaman getah bagi sektor pekebun kecil di Melaka semasa pelaksanaan dua fasa Dasar Pertanian Negara (DPN).

### **Dasar Pertanian Negara (DPN) sebagai Acuan dalam Pembangunan Pertanian Negeri Melaka**

Sektor pertanian negara bergelut dengan situasi getir sejak pertengahan dekad 1970-an. Sejajar dengan prinsip ekonomi Malaysia yang mengamalkan dasar keterbukaan ekonomi, kecenderungan terhadap pergantungan kepada sumber hasil perdagangan antarabangsa akan mudah terdedah dengan pelbagai bentuk risiko di luar jangkaan dalam menghadapi saingan permintaan dan penawaran bekalan barangan eksport seperti getah asli.<sup>13</sup> Keadaan ini menyebabkan daya saing sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia mengalami penurunan sederhana sebanyak 23.9% pada tahun 1980 berbanding tempoh tiga puluh tahun sebelumnya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 1950 kira-kira bernilai 59%.<sup>14</sup> Sektor tanaman getah menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan daripada 23.4% pada tahun 1980 kepada 18.7% pada tahun 1985 dan nilai keluaran getah juga merosot dengan mencatatkan pengeluaran sebanyak 1.45 tan metrik sahaja pada tahun 1985 akibat permintaan getah yang lemah.<sup>15</sup> Bertitik tolak daripada fenomena yang berlaku maka pelaksanaan dasar kepelbagaian eksport yang mendapat sokongan sektor perkhidmatan telah mula mengambil tempat dalam rancangan pembangunan kerajaan sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.<sup>16</sup> Oleh sebab itu, kerajaan berusaha untuk memperkukuh sektor pertanian tanpa kebergantungan semata-mata kepada peningkatan tahap pengeluaran. Langkah ini jelas ketara memasuki semasa tempoh dekad 1990-an, apabila matlamat dasar berhubung pembangunan sektor pertanian

telah memfokuskan aspek pemprosesan produk hiliran dan pemasaran keluaran pertanian.<sup>17</sup> Dalam hal ini, kerajaan telah menyusun strategi dengan cara memperbanyak penghasilan jenis barangan berasaskan pertanian sama ada dalam bentuk pengeluaran barangan siap atau separuh siap untuk keluaran eksport. Komitmen ini diterjemahkan dengan menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang berkesan serta membangunkan projek-projek berasaskan pertanian bersepadu di seluruh negeri. Kesemua inisiatif bersifat jangka panjang ini menjadi sebab penting tindakan kerajaan menggesa memperluaskan tanaman-tanaman lain tanpa menumpukan kepada sektor tanaman tertentu sahaja seperti getah. Dasar kerajaan tersebut terserlah dengan banyak kawasan tanaman getah semakin mengecil berikutan perubahan kepada tanaman-tanaman industri lain umpamanya koko, nenas, tembakau dan beberapa tanaman lain untuk mengimbangi hasilimbangan dagangan eksport getah yang telah terjejas.

Melaka antara negeri yang tidak terkecuali daripada menghadapi situasi sama apabila prestasi sektor pertanian menunjukkan trend yang merudum. Komoditi getah yang merupakan penyumbang terbesar kepada Kadar Keluaran Negeri Kasar (KDNK) turut terjejas berbanding nilai sumbangan pada tahun 1970 iaitu kira-kira 83% kepada pertumbuhan ekonomi negeri.<sup>18</sup> Kejatuhan nilai sumbangan getah berpunca daripada faktor luar jangka akibat penurunan harga getah asli dunia. Tambahan pula, perubahan berkaitan dasar struktur ekonomi negeri sejak tahun 1971 ke arah mempelbagaikan ekonomi menjadikan keadaan pembangunan Melaka pada tempoh berkenaan telah beralih daripada berasaskan pertanian kepada perindustrian semenjak Dasar Ekonomi Baru terlaksana.<sup>19</sup> Natijahnya, sektor pertanian semakin kurang diberikan perhatian dan ini memberikan tekanan ke atas sektor getah.

Banyak tanah kawasan getah telah berganti fungsi dengan tanaman lain seperti koko dan kelapa sawit yang menjadi nadi pembekal bahan mentah untuk keperluan penghasilan barangan kilang di Melaka bagi sektor industri berasaskan makanan dan minuman. Terdapat kawasan-kawasan yang pada asalnya merupakan kawasan dilitupi getah telah diratakan untuk memberi laluan projek pembinaan kilang-kilang baharu akibat permintaan besar daripada pelabur tempatan dan asing ke negeri Melaka.<sup>20</sup> Keperluan penyediaan pembangunan perindustrian yang berkembang menambahkan lagi keperluan asasi manusia yang lain perlu disediakan oleh kerajaan negeri terutama perbelanjaan pembangunan ke atas penyediaan kemudahan infrastruktur seperti rumah kediaman, premis perniagaan, utiliti dan lain-lain terpaksa dipertingkatkan ekoran proses penghijrahan penduduk kian meningkat ke bandar Melaka. Tawaran pekerjaan yang stabil dan perolehan pendapatan bulanan yang selesa menjadikan sektor perindustrian lebih pesat membangun berbanding pertanian terutamanya di daerah Melaka Tengah. Sementara itu, daerah Jasin dan Alor Gajah kekal menjadi kawasan tanaman getah terbesar di negeri ini. Ketiadaan dasar pertanian yang jelas pada peringkat pentadbiran kerajaan negeri, mengeruhkan lagi keadaan tersebut apabila tanaman getah terhimpit dengan banyak cabaran dalam memastikan produktiviti keluaran komoditi ini meningkat saban tahun. Kebanyakan cabaran ini terdiri daripada masalah berkaitan dengan tanah, tenaga buruh, penggunaan teknologi moden yang terhad dan kekurangan infrastuktur.<sup>21</sup>

Pada tahun 1984, kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian telah melancarkan Dasar Pertanian Negara atau (DPN) bagi mengangkat semula kedudukan sumbangan sektor pertanian. Pengenalan DPN telah merakamkan suatu perkembangan positif terhadap langkah memulihkan peranan sektor pertanian daripada bersifat tradisional ke arah pemodenan dalam segala aspek sama ada pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan juga kepada pencapaian hasil. Pengukur kepada kejayaan dasar tersebut dapat dinilai berdasarkan matlamat yang tergaris iaitu menerusi memaksimumkan produktiviti dengan cara penggunaan sumber sedia ada yang cekap seperti yang termaktub dalam pernyataan Dasar Pertanian Negara.

‘Matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN) ialah untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya’.<sup>22</sup>

Bermotifkan sasaran untuk memaksimumkan pendapatan dan meningkatkan daya saing pertanian, beberapa perubahan baharu telah ditekankan dalam pelaksanaan DPN yang menjurus kepada keuntungan eksport dan peningkatan pertambahan pendapatan dalam kalangan para petani. Dalam hal ini, kemenjadian DPN memerlukan suatu perubahan corak pemikiran masyarakat yang lebih ke hadapan dalam melihat potensi pertanian sebagai bidang ekonomi yang menguntungkan. Oleh sebab itu, kerajaan juga mahu membentuk dan mengubah minda masyarakat melalui Dasar Pertanian Negara dengan tidak lagi menganggap pertanian sebagai satu cara hidup semata-mata untuk memenuhi keperluan sara hidup tetapi dijadikan sebagai satu percubaan melahirkan bidang profesion baharu yang lebih berbaloi kepada semua pemegang taruh seperti mana dalam pembudayaan negara-negara maju.<sup>23</sup> Sehubungan dengan itu, antara mekanisme perubahan yang diperkenalkan termasuk mempertingkatkan penggunaan sumber yang cekap melalui amalan pertanian secara berkelompok atau perkebunan, menggalakkan dan memajukan tanaman-tanaman eksport sedia ada, pembangunan In Situ, penggunaan kejenteraan berteknologi canggih dan memperluaskan khidmat pengembangan pertanian dalam bentuk latihan bimbingan, kursus, dan khidmat nasihat. Kesemua bentuk perubahan baharu ini tidak lain hanya bertujuan untuk membantu mempertingkatkan kemajuan daya pengeluaran bagi semua sektor tanaman di samping memerangi masalah kemiskinan secara beransur-ansur.

Dari sudut pandang yang lain, timbal balik terhadap permasalahan pembangunan negeri bagi sektor pertanian telah menemukan langkah pembaharuan sebaik sahaja pengenalan Dasar Pertanian Negara. Usaha Kementerian Pertanian ini disambut baik kebanyakan kerajaan negeri untuk menggubal polisi pembangunan pertanian di setiap negeri masing-masing pada tahun 1984 agar selari dengan hasrat kerajaan persekutuan masa itu. Bagi Melaka, pembentukan dasar pertanian negeri turut mengambil kira langkah-langkah pembaharuan yang seiring dengan kehendak dan keutamaan kepada strategi pembangunan yang terkandung dalam Pelan Induk Negeri Melaka untuk membawa keseimbangan pembangunan antara daerah. Berpandukan garis panduan Pelan Induk Negeri Melaka dan Dasar Pertanian Negara, maka kerajaan negeri Melaka melalui Unit Perancang dan Penyelarasan Negeri telah

merancang dan menggubal Dasar Pertanian Negeri pada tahun 1984 sebagai acuan dalam membangunkan semua sektor tanaman termasuk getah sehingga tahun 2000.<sup>24</sup> Perancangan dasar pertanian negeri dibuat berdasarkan hasil laporan yang dikemukakan oleh setiap agensi jabatan pertanian persekutuan dan negeri sehingga keputusan pelaksanaan rancangan pembangunan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Pertanian yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Menteri Melaka. Beberapa strategi yang diambil di bawah dasar pertanian negeri khusus bagi tanaman getah adalah melibatkan penyatuan tanah secara berkumpulan di bawah satu sistem pengurusan yang berkesan agar masalah keluasan tanah yang kecil di satu satu-satu kawasan yang membawa pulangan yang rendah boleh dikurangkan. Kerajaan juga menumpukan pemerksaan terhadap program penanaman semula bagi pokok-pokok getah yang telah tua untuk digantikan dengan anak pokok getah baharu supaya menambahkan daya pengeluaran kebun kecil menerusi penggunaan klon benih bermutu.

### **Senario dan Strategi Kerajaan dalam Memajukan Industri Tanaman Getah bagi Sektor Kebun Kecil Getah di Melaka 1984-1996**

Senario perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu memberikan tamparan besar terhadap prestasi sektor keluaran getah negara sejak awal dekad 1980-an. Malaysia yang terkenal sebagai salah sebuah negara pengeluar getah asli dunia selain Thailand dan Indonesia memang mengharapkan supaya sektor getah terus kukuh untuk menjadi tonggak kepada ketahanan struktur ekonomi negara. Namun demikian, sejak pertengahan 1970-an, keluaran getah negara yang jelasnya merudum memberi kesan jangka panjang terhadap prospek sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar sekali gus membenarkan dakwaan ini apabila berlaku kemerosotan hasil komoditi bagi sektor pertanian daripada 6% pada tahun 1970-an kepada kira-kira 4% pada awal tahun 1980-an.<sup>25</sup> Perkara ini dipertanggungjawabkan atas situasi kemelesetan ekonomi dunia yang mengakibatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia begitu lembap dengan hanya mencapai sebanyak 5.8% setahun berbanding tempoh 1970-an iaitu 7.6%. Impak daripada peristiwa kemelesetan ekonomi, telah mencetuskan penurunan terhadap jumlah eksport barangan getah kepada 7.5% pada tahun 1985 jika dibandingkan pada tahun 1970 iaitu 33.4%.<sup>26</sup> Statistik ini menggambarkan bahawa komoditi getah masih kekal sebagai peneraju ke ekonomi negara sejak merdeka meskipun sumbangannya kadang-kadang tidak stabil. Walaupun pola ini merupakan kelaziman bagi proses perubahan struktur ekonomi, akan tetapi peranan pertanian kepada ekonomi negara masih menjadi keutamaan kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup komuniti tani di Malaysia selain berperanan untuk menyokong pertumbuhan sektor-sektor ekonomi sekunder terutama melibatkan proses penghasilan bahan mentah bagi keperluan keluaran bahan-bahan pengilangan seperti sarung tangan dan lain-lain untuk mengimbangkan jurang sumber pendapatan negara tatkala sektor pertanian menghadapi prestasi turun naik di luar jangka.

Melihat sudut kepentingan getah kepada negeri Melaka, peranan industri tanaman ini amat sukar terpinggir daripada pemerhatian kerajaan. Industri getah yang telah berkembang sejak awal abad ke-20 realitinya menjanjikan pulangan yang tinggi terhadap kemajuan pertumbuhan ekonomi dan penglibatan masyarakat dalam perspektif tanaman pertanian moden sesebuah negeri terutama bagi negeri-negeri



yang memiliki keluasan tanah getah yang besar. Getah juga menjadi pelopor terhadap perubahan sosioekonomi penduduk Melaka yang menyaksikan keterlibatan pelbagai kaum kerana pulangan keuntungan yang lebih lumayan biarpun terdapat perbezaan ketara dari sudut perolehan pendapatan mahupun ruang keluasan tanaman. Ramai pekebun kecil getah berbangsa Melayu cenderung menceburi tanaman getah secara kebun kecil diikuti bangsa Cina dan India. Keadaan ini melakarkan sektor getah jauh lebih mendapat tumpuan berbanding tanaman lain seperti padi, koko, kelapa sawit.<sup>27</sup> Biarpun bilangan pekebun antara kaum menampakkan perbezaan yang ketara tetapi manfaat yang diperolehi hasil inisiatif-inisiatif program penanaman semula getah yang diperkenalkan kerajaan adalah jauh lebih terjamin. Tindakan ini untuk memastikan nasib kedudukan ekonomi setiap kaum dalam sektor tanaman getah tidak terlalu menjurang khusus dari segi perolehan pendapatan. Berdasarkan statistik Pelan Induk Negeri Melaka 1984-2000, seramai 24,000 orang pekebun kecil dikenal pasti di Melaka dan berdasarkan pecahan mengikut kaum menunjukkan kaum Melayu merupakan bilangan tertinggi iaitu berjumlah 15,000 orang manakala bilangan pekebun kecil getah Cina dan India masing-masing adalah seramai 8,800 orang serta 200 orang.<sup>28</sup> Justeru, perkembangan industri getah yang cerah dan memberangsangkan telah menyedarkan usaha kerajaan mengambil beberapa strategi untuk menjayakan matlamat yang ingin dicapai sepanjang tempoh DPN.

### **Penyediaan Insentif Bantuan Modal dan Input Penanaman Getah**

Pada dasarnya, usaha-usaha untuk memperkasakan semula sektor getah tidak begitu khusus dinyatakan dalam Dasar Pertanian Negara. Kebanyakan garis panduan strategi yang dirancang kerajaan lebih menyentuh soal bagaimana program-program pembangunan pertanian di bawah pelaksanaan DPN dihalakan bagi mempertingkatkan kecekapan sumber ke tahap optimum setelah mengambil kira kepelbagaian kekangan yang wujud dalam setiap sub jenis tanaman. Walaupun fokus penanaman tanaman saka iaitu getah telah digantikan dengan tanaman koko, kelapa dan kelapa sawit serta tanaman kontan berjangka sederhana, kerajaan tetap komited bagi memperkasakan program tanam semula getah yang telah bermula sejak penghujung dekad 1970-an melalui Tanam Secara Berkelompok dan Mini Estet bagi mencapai peningkatan hasil seperti keutamaan DPN.<sup>29</sup>

Antara tahun 1980-an sehingga tahun 1990-an, terdapat kekangan melibatkan isu tanah yang menjadi sebab keengganan segelintir pekebun tidak mahu menyertai program penanaman semula yang disarankan oleh kerajaan. Kajian lapangan yang dilakukan oleh Abdul Talib Hashim pada tahun 1988 mendapati masalah keluasan kebun yang agak terhad menjadi isu bahan bualan segelintir para pekebun. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini sangat bergantung kepada sumber tanah yang menjadi penentu tahap hasil pengeluaran dan pendapatan yang diterima. Kebanyakan pekebun kecil di Melaka mengusahakan tanaman getah secara berkelompok masih berkonflik mengenai isu pertukaran syarat tanah.<sup>30</sup> Isu ini terkait dengan tahap pendidikan ramai pekebun yang kurang arif pengetahuan mereka berhubung peraturan tanah yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian dimeterai. Ini menambahkan kesulitan untuk mengatasi perkara berbangkit tersebut kerana sistem birokrasi yang berperingkat-peringkat menjadikan permohonan yang perlu diluluskan begitu lewat. Selain berkaitan syarat pertukaran tanah, perkara melibatkan kedudukan tanah yang

berselerak merupakan antara cabaran utama pekebun-pekebun untuk menyertai program tanam semula ekoran terdapat pekebun yang cenderung berkahwin dengan pasangan dari kawasan kampung berdekatan. Pasangan pekebun yang terdiri suami dan isteri ini mempunyai latar belakang keluarga daripada pewaris tanah yang kekal aktif sebagai pekebun kecil terpaksa menguruskan tanah kebun milik keluarga. Kesukaran yang terpaksa dilalui apabila terjadi masalah kekurangan tenaga buruh dan lokasi kebun yang jauh telah menyusahkan mereka untuk menguruskan tanah kebun tersebut kerana kekangan masa.

Selain itu, kebimbangan terhadap jaminan pulangan pendapatan yang tidak menentu juga menjadi antara perkara berbangkit yang menimbulkan ketidakpuasan hati pekebun kecil. Pokok perbualan isu ini jika diteliti adalah cukup berasas kerana ramai pekebun-pekebun begitu cakna melihat prospek keuntungan yang akan diperoleh terutama semasa kemelesetan harga getah dunia berlaku. Ada juga pekebun yang mempersoalkan kerisauan mereka mengenai kelangsungan pendapatan yang diperoleh sementara menunggu hasil tempoh matang untuk menoreh getah yang pada kebiasaan mengambil masa sekurang-kurangnya enam hingga tujuh tahun selepas proses penanaman semula dijalankan menyebabkan wujud kebun-kebun getah yang tidak diusahakan dengan penanaman semula.<sup>31</sup> Hal ini kerana pemberian geran tanam semula yang beberapa kali dinaikkan kerajaan masih lagi tidak berkesan untuk membantu pekebun menyara hidup. Kebanyakan kos geran tanam semula yang diberi kerajaan secara praktikalnya masih terselindung dengan kos-kos yang belum dapat dipastikan di luar jangka untuk perbelanjaan hal-hal berkaitan tanaman bermula pada peringkat penanaman semula sehingga tempoh penorehan semula sahaja.<sup>32</sup> Perkara ini memang merunsingkan pekebun getah yang seolah-olah terumbang-ambing untuk mendapatkan dana demi kelangsungan hidup pada situasi sukar tersebut. Terhimpit dengan masalah ini menjadikan sesetengah para pekebun mencari pekerjaan selain menoreh getah untuk menampung kos perbelanjaan mereka seperti berniaga secara runcit, menternak, petukang dan lain-lain.

Senario yang dihadapi tidak bermakna kerajaan tidak mendengar masalah para pekebun. Kerajaan begitu sedar terhadap pentingnya kebajikan para pekebun kecil perlu dibela dalam pelbagai juga keadaan yang berlaku. Usaha kerajaan memperkenalkan beberapa insentif bagi jangka pendek dan sederhana melalui penyaluran bantuan modal dan input pertanian secara berterusan merupakan satu pendekatan bagi memantapkan program penanaman semula setelah kerajaan meneliti permasalahan yang timbul menerusi insentif galakan. Misalnya, kerajaan membuat semakan semula terhadap kos bantuan input pertanian apabila geran kebun tanam semula getah dinaikkan sebanyak RM2200 bagi keluasan 0.4 hektar dengan beberapa terma baru.<sup>33</sup> Kenaikan kos input penanaman ini dibekalkan kepada para pekebun dengan kejayaan beberapa hasil penyelidikan yang dilakukan oleh agensi *Rubber Research Institute of Malaysia* (RRIM). Penerapan penggunaan teknologi sangat diutamakan untuk membolehkan pekebun tidak berasa gusar terhadap masalah penanaman getah pada masa akan datang. Antara teknologi yang diperkenalkan ialah penggunaan benih tanaman lanjutan, penanaman kacang penutup bumi, penggunaan baja, kawalan rumpai, kaedah menoreh, dan sebagainya. Tindakan ini memberikan sedikit kelegaan kepada pekebun supaya bermotivasi meneruskan tanaman semula.

Selain daripada langkah kerajaan menaikkan kos geran tanam semula getah, kerajaan juga memperkenalkan bantuan insentif jangka pendek dan sederhana yang dilihat sebagai satu tarikan bagi menyuntik semangat para pekebun getah melalui Skim Penggalak Tanam Semula atau 'Sepentas'. Skim ini membolehkan pekebun mendapat bantuan kredit sara hidup bernilai RM100 sebulan tanpa sebarang faedah dikenakan sementara menanti tempoh matang penorehan getah iaitu dalam anggaran enam tahun.<sup>34</sup> Skim ini juga disalurkan kepada pekebun kecil yang mempunyai keluasan kebun seluas dua hektar dengan nilai kredit berbayar sebanyak RM60 untuk meningkatkan paras pendapatan minimum sama seperti hasil pengeluaran berjumlah dua hektar yang diberi dalam bentuk saham mengikut nisbah tersendiri. Kelonggaran juga diberikan untuk membenarkan penoreh melakukan tanaman selingan yang tertakluk kepada tanaman ditetapkan pihak RISDA iaitu kelapa sawit, limau, nanas, kopi dan beberapa jenis lagi untuk membolehkan mereka mendapat pendapatan berterusan.

Ketidaktentuan perolehan pendapatan merupakan satu bentuk cabaran besar yang dihadapi oleh RISDA dalam usaha untuk meyakinkan para peserta program penanaman dan penanaman semula agar tidak berhenti meneruskan usaha penanaman getah. Pengalaman berhadapan dengan pelbagai karehah peserta yang tidak mahu meneruskan penanaman getah cukup memberi pengajaran penting kepada pengurusan RISDA untuk menyediakan satu program khusus bagi memajukan sektor kebun kecil getah. Pada tahun 1985, muncul satu sistem bantuan baharu yang dikenali sebagai Sistem Perkebunan Bersepadu atau (SEPERDU). Mekanisme program ini dilakukan dengan cara mengintegrasikan kegiatan tanaman semula dengan diselangi kegiatan sampingan berkonsepkan '*on-farm*', dan '*off-farm*'.<sup>35</sup> Para pekebun di bawah program penanaman semula getah kendalian RISDA berpeluang untuk menambahkan sumber pendapatan yang bersesuaian. Aktiviti-aktiviti '*On-farm*' termasuklah ternakan biri, tanaman jagung, pemeliharaan lebah dan projek cendawan, manakala program '*off-farm*' pula ialah perniagaan runcit, jualan alat menoreh, sewaan jentera pertanian dan beberapa lagi.<sup>36</sup> Saluran peruntukkan dilakukan melalui aktiviti bekalan input ladang dan tabung pembangunan sosioekonomi dan kredit daripada agensi kerajaan yang lain mengikut jenis projek ekonomi yang dibangunkan.

### **Memperluas Kawasan Program Tanam Semula melalui pendekatan Pertanian *In Situ*/bersepadu**

Umumnya, pelaksanaan DPN berlangsung pada tempoh Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di negeri Melaka yang bermula sejak tahun 1982. Ketetapan yang diambil oleh Jawatankuasa Pemandu di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Melaka (MIADP) ketika itu adalah bagi memperluas program pembangunan pekebun kecil yang merupakan salah satu komponen projek di bawah MIADP.<sup>37</sup> Dalam usaha mengekalkan kelangsungan keluaran getah, suatu proses kitaran yang menjangkau tempoh 30 tahun ke hadapan perlu dilaksana, maka projek untuk menanam semula getah melibatkan kawasan seluas 8,050 hektar yang mempunyai saiz keluasan kebun di bawah empat ekar dengan anggaran purata keluasan sekitar 1.6 hektar dilaksanakan bagi membantu hampir 5000 keluarga pekebun kecil. Pendekatan pembangunan pertanian *In Situ* mengutamakan strategi

meningkatkan kecekapan pengeluaran hasil getah sedia ada melalui galakan penggunaan teknologi dan penyatuan tanah-tanah bersaiz kebun kecil ketika itu.<sup>38</sup>

Sejak pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Melaka pada tahun 1982, usaha menanam semula getah berjalan lancar sehingga tahun 1996. Prestasi ini didorong ketetapan matlamat yang dirancang oleh RISDA bagi memastikan sasaran setiap projek di bawah Rancangan Malaysia dan MIADP dapat direalisasikan. Kejayaan ini tidak cukup sekadar matlamat yang disasarkan sahaja, tetapi kebergantungan terhadap peruntukan dana yang disediakan kerajaan melalui RISDA di Melaka begitu penting supaya hasil keluaran getah bagi setiap unit kebun kecil di negeri ini memenuhi keperluan permintaan eksport getah negara dan keperluan sektor perindustrian berasaskan sumber getah. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, prestasi penanaman semula getah adalah seperti berikut;

Jadual 1 : Keluasan Tanaman Getah di bawah Program Tanam Semula RISDA  
1983 -1996

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Keluasan (Hektar)</b>
1982	1,300
1983	1,067
1984	753
1985	528
1986	1,930
1987	2,071
1988	2,226
1989	2,409
1990	2,281
1991	2,188
1992	2,203
1993	2,341
1994	2,060
1996	1,471

Sumber : Report No. 10638-MA Document The World Bank - Project Completion Report Malaysia: Malacca Agricultural Development Project, May 14, 1992, Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah Negeri Melaka, 1994, Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah Negeri Melaka, 1996.

Antara tahun 1982 sehingga tahun 1996, jumlah keluasan penanaman semula pada gambaran umum amat menggalakkan. Pencapaian ini disebabkan keberkesanan program-program penanaman semula kendalian RISDA yang banyak disumbangkan melalui kaedah berkelompok dan mini estet. Sistem penanaman berkelompok memiliki pendekatan yang amat praktikal dalam meningkatkan keluaran getah yang berasaskan konsep kolektif dan kerjasama.<sup>39</sup> Amalan corak penanaman diterjemahkan melalui pembentukan sebuah jawatankuasa yang diterajui dalam kalangan ahli pemilik tanah tersebut. Pendekatan berkelompok amat berkesan dalam memudahkan penyaluran segala bentuk bantuan input penanaman secara terus kepada kelompok penanam getah berkenaan tanpa melalui campur tangan orang tengah.

Bagi kaedah penanaman secara mini estet, rancangan secara perkebunan ladang mempunyai kelebihan yang banyak kerana para pekebun berpeluang untuk menggunakan pelbagai teknik penanaman moden melalui penggunaan jentera berat dalam mengendalikan aktiviti perladangan getah. Kaedah ini dilaksanakan dengan pengurusan ladang diambil alih dan diuruskan sepenuhnya oleh pihak RISDA. Dalam hal ini, para pekebun terlibat tidak perlu bimbang mengenai sebarang hal-hal pengurusan penanaman seperti kewangan dan tenaga kerja kerana sistem ini hanya memerlukan persetujuan dalam kalangan pekebun untuk menyerahkan lot-lot tanah mereka melalui perjanjian yang termeterai bersama pihak RISDA.<sup>40</sup> Hasil keuntungan pengeluaran getah akan diberikan kepada pemilik tanah dalam bentuk dividen pada kadar RM216.00 sebulan.<sup>41</sup> Kedua-dua pendekatan pertanian secara bersasar ini disokong dengan pengenalan pelbagai insentif daripada kerajaan yang telah membangkitkan semangat para pekebun untuk meneruskan penanaman getah seperti yang diharapkan kerajaan. Pendekatan rancangan pembangunan ini selari dengan konsep pertanian bersepadu yang diusahakan secara bersasar ke atas kawasan-kawasan tanaman getah sedia ada di seluruh negeri. Penanaman semula getah kali kedua sejak tahun 1974 masih diteruskan berikutan permohonan dalam kalangan peserta kebun kecil getah yang meningkat telah diluluskan oleh RISDA untuk membenarkan mereka menyertai penanaman semula berkelompok dan mini estet. Hasil usaha ini menyaksikan trend keluasan penanaman getah mempamerkan pertambahan yang sederhana walaupun terdapat tahun tertentu berlaku penurunan.

Merujuk jadual 1, jumlah keseluruhan keluasan tanaman getah pada tahun 1982 adalah sebanyak 1,300 hektar. Bermula pada tahun tersebut, jumlah ini semakin berkurang sebanyak 630 hektar sehingga pada tahun 1985 dengan merekodkan penurunan selama empat tahun berturut-turut. Semasa berlaku kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1984 dan 1985, jumlah keluasan tanaman semula getah terus berkurang. Hal ini terbukti RISDA hanya berjaya mencapai sasaran penanaman semula getah dengan masing-masing sebanyak 753 hektar pada tahun 1984 dan 528 hektar pada tahun 1985. Walaupun begitu, prestasi penanaman semula getah yang kian pulih setelah harga komoditi getah meningkat telah menunjukkan jumlah keluasan kawasan tanaman getah mencatatkan peningkatan semula bagi tempoh empat tahun seterusnya sejak tahun 1986. Pada tahun 1986, jumlah keluasan kawasan penanaman semula getah berjaya ditingkatkan kepada 1,930 hektar berbanding tahun 1985 iaitu sebanyak 528 hektar. Peningkatan ini menunjukkan prestasi yang begitu drastik sebanyak 1,402 hektar. Jumlah ini terus meningkat pada tahun 1987 iaitu kira-kira 2,071 hektar. Pada tahun 1988, keluasan tanaman getah di bawah kendalian RISDA didapati meningkat lagi sebanyak 2,206 hektar dan juga jumlah ini bertambah pada tahun 1989 pada kadar keluasan 2,409 hektar. Sungguhpun demikian, selepas berakhir pelaksanaan tempoh Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Melaka pada tahun 1989, menyebabkan jumlah keluasan kawasan tanaman getah telah menurun dua tahun berturut-turut dengan masing-masing mencatatkan jumlah keluasan sebanyak 2,281 hektar pada tahun 1990 dan 2,188 hektar pada tahun 1991. Pada tahun 1992 dan 1993, jumlah keluasan tanaman getah kembali meningkat setelah kerajaan melancarkan dasar pertanian negara kedua pada tahun 1991. Pada tahun 1993 hingga 1996, didapati jumlah keluasan tanaman semula getah telah kembali menurun.

Berdasarkan prestasi ini, menunjukkan bahawa jumlah keluasan sasaran yang ditetapkan untuk penanaman semula getah sepanjang tempoh 1982 hingga 1990 kurang mencapai sasaran tanaman yang ditetapkan RISDA akibat daripada penurunan kos peruntukan kerajaan yang melibatkan kawasan tumpuan projek yang telah diluluskan. Hal ini berpunca daripada masalah perolehan biji benih pokok getah import berikutan penularan wabak penyakit berjangkit yang dibimbangi mengganggu tanaman lain.<sup>42</sup> Dalam tempoh yang sama juga penurunan keluasan tersebut terkait dengan peningkatan kos pengoperasian bagi program mini estet setelah kenaikan harga bahan input penanaman melambung naik dengan ketara.<sup>43</sup> Atas faktor itu, kerajaan telah mengurangkan peruntukan pelaksanaan penanaman mini estet, namun yang hanya berjaya dilaksanakan adalah sebanyak 13.4% bagi kedua-dua tahun tersebut. Keluasan penanaman semula bagi tempoh dua tahun tersebut masing-masing menunjukkan penurunan yang drastik dengan pencapaian penanaman semula oleh RISDA hanya sebanyak 743 hektar dan 528 hektar. Penurunan penanaman semula pada tahun tersebut disifatkan sebagai pencapaian terendah sepanjang tempoh program penanaman semula getah sejak tahun 1952. Pada tahun 1986 iaitu ketika ekonomi dunia memasuki fasa pemulihan, jumlah keluasan penanaman semula getah mengalami peningkatan kepada 1,930 hektar. Keluasan ini terus meningkat kepada 2,409 hektar pada tahun 1989. Perkembangan ini memperlihatkan dana peruntukan kerajaan kembali ditingkatkan bagi merangsang penanaman semula getah sebagaimana yang berlaku pada tahun 1986, apabila jumlah peruntukan kerajaan ialah sebanyak RM19.3 juta. Seterusnya, jumlah ini terus ditingkatkan kepada RM 286,061 juta pada tahun 1990.<sup>44</sup> Pada tahun 1991 hingga 1994 pula, jumlah keseluruhan peruntukan bagi tempoh tahun tersebut adalah berjumlah RM 553,505 juta iaitu pertambahan tiga kali ganda bagi semua skim dana program penanaman getah RISDA.

### **Pemeriksaan Program Latihan**

Kelangsungan sektor tanaman getah sering menghadapi cabaran terutama dalam memastikan peningkatan hasil keluaran yang konsisten. Cabaran yang terpaksa ditempuh dalam kegiatan tanaman ini tidak semestinya berpunca daripada faktor prospek keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, tetapi terkait juga kepada sumber manusia yang berhubung dengan ekosistem sosioekonomi yang wujud sekian lama. Kerajaan sememangnya menyedari realiti di lapangan terhadap nasib kedudukan ekonomi pekebun-pekebun getah amat wajar dipertingkatkan dengan cara terbaik agar dapat membantu untuk sektor keluaran getah tidak terjejas. Sejak dasar pertanian negara dilancarkan, usaha-usaha pemeriksaan sektor tanaman getah telah ditumpukan kepada aspek pengembangan sebagai mekanisma terpenting dalam meningkatkan keluaran getah.

Pada pertengahan dekad 1980-an, kenaikan harga getah asli telah mempengaruhi usaha kerajaan untuk mengembangkan khidmat sokongan sektor tanaman ini. Permintaan yang tinggi terhadap getah pada pasaran dunia setelah ekonomi dunia semakin pulih meningkatkan keluaran sarung tangan serta barang-barang lain berasaskan getah. Ini turut disumbang dengan perubahan nilai mata wang Malaysia dengan beberapa nilai mata wang lain seperti pound dan yen telah menjadikan nilai mata wang negara terus kukuh ekoran pembayaran pertukaran mata wang tersebut digunakan dalam nilai mata wang Malaysia. Prospek cerah terhadap

situasi ekonomi dunia tersebut meningkatkan peranan kerajaan untuk meninggikan keluaran hasil getah di bawah Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) RISDA.<sup>45</sup> Selain itu, kekerapan program latihan dijalankan juga disebabkan terdapat masalah berkaitan permohonan oleh pekebun untuk menyertai program penanaman semula. Kelewatan proses permohonan yang berpunca daripada kesilapan-kesilapan kecil dan teknikal merumitkan lagi sistem penjadualan program penanaman semula yang bergerak agak lewat daripada penjadualan asal. Kesilapan kecil dan teknikal ini seperti permohonan borang yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat dan kelewatan mendapatkan surat pengesahan milik asal mengeruhkan lagi keadaan ini. Permasalahan ini akhirnya memaksa pegawai-pegawai RISDA untuk turun ke lapangan dengan kerap untuk menyampaikan maklumat dengan lebih dekat dengan para pegawai sendiri terpaksa mengisi borang permohonan tersebut di hadapan pekebun kecil yang memohon. Dengan cara ini, program latihan berbentuk penyampaian maklumat terkini dan dialog berhubung prosedur permohonan program penanaman semula getah dapat dilaksanakan sebanyak 14 kali ceramah, 10 kali mesyuarat dan 106 kali program tunjuk ajar yang dilakukan seperti mana di kawasan penanaman semula getah yang terletak di mukim Masjid Tanah.<sup>46</sup>

Sehubungan itu, tumpuan pemerksaan terhadap pekebun kecil dengan mengadakan program-program latihan dengan giat setiap tahun dilihat amat berkesan. Pelbagai bentuk program latihan diadakan meliputi ceramah, tunjuk ajar, lawatan, pertandingan, kursus dan kebun contoh. Bentuk pendekatan berceramah lazimnya dikendalikan apabila setiap pekebun perlu hadir ke Pusat Pembangunan Pekebun Kecil yang ditetapkan. Penceramahan tidak tertumpu hanya kepada prosedur permohonan program penanaman semata-mata, malah peserta diberi tunjuk ajar mengenai teknik-teknik penanaman moden dengan menggunakan teknologi moden dalam membantu meningkatkan hasil keluaran getah. Penyusunan program-program latihan dilihat begitu giat dijalankan apabila RISDA menganjurkan sebanyak 542 kali latihan pada tahun 1986 dan telah meningkat kekerapannya kepada 1314 program latihan pada tahun 1990. Pada tahun 1994, program latihan pekebun pekebun getah di bawah kendalian RISDA melibatkan perbelanjaan sebanyak RM229.937.<sup>47</sup>

Jika diperhatikan kepada peningkatan kos pengendalian kursus yang dilaksanakan RISDA, jelas terbukti bahawa kekerapan program-program latihan yang diadakan sememangnya ditunjangi dengan pertambahan dana peruntukan yang dibelanjakan pada setiap tahun untuk menyokong aktiviti sektor pengembangan tersebut. Misalnya, dari tahun 1986, sebanyak RM58,000 dibelanjakan untuk melaksanakan program latihan. Jumlah ini terus meningkat pada tahun 1987 sebanyak RM63,472.00. Setelah tamat Rancangan Malaysia Kelima, kos keseluruhan pembangunan latihan yang dibelanjakan berjumlah RM176.505. Perbelanjaan ini didapati semakin meningkat apabila program latihan pekebun pekebun getah di bawah kendalian RISDA telah membelanjakan sebanyak RM229.937 atau 99.97% bagi pelaksanaan 1,525 aktiviti latihan meliputi ceramah, tunjuk ajar, kursus, mesyuarat dan lain-lain di seluruh negeri. Suatu kelainan baharu yang diwujudkan oleh RISDA adalah tumpuan pembangunan latihan yang memberikan penekanan kepada usaha melahirkan pemimpin kecil dalam kalangan kelompok pekebun getah. Mereka boleh dianggap sebagai duta kecil untuk membimbing, melatih dan menerangkan kepada pekebun-pekebun berhubung perubahan dasar, teknologi dan teknik penanaman.

Program ini dikenali sebagai Pemaju Masyarakat Pekebun Getah.<sup>48</sup> Pemimpin yang dilahirkan ini akan menjalani berbagai-bagai program latihan dengan bersama pegawai-pegawai khidmat pengembangan RISDA untuk diberikan pengetahuan mendalam berkaitan pengembangan getah. Kumpulan pemimpin yang telah menamatkan program latihan tersebut akan dilantik oleh RISDA sebagai tenaga pengajar untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pekebun lain mengenai teknik-teknik penanaman dan teknologi baharu yang diperkenal oleh RISDA. Sehingga tahun 1994, RISDA telah melantik seramai 46 orang pekebun kecil sebagai duta kecil di negeri Melaka untuk memberi khidmat bimbingan kepada para pekebun.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, perkembangan industri tanaman getah dari tahun 1984 sehingga tahun 1996 mengalami kemajuan yang menggalakkan. Walaupun pada tempoh tersebut harga pasaran getah tidak tetap, kerajaan masih berkeyakinan bahawa industri tanaman getah memiliki prospek yang cerah dan menguntungkan tatkala harga pasaran semakin pulih sejak kemelesetan ekonomi dunia. Kenaikan harga getah dunia pada tahun 1986 begitu signifikan terhadap strategi kerajaan yang terarah kepada meningkatkan semula keluaran getah yang dipacu dengan pelbagai mekanisme sama ada melalui penggunaan teknologi, pembangunan latihan, memantapkan khidmat pengembangan dan memperluaskan penanaman dengan menekankan amalan pertanian bersepadu dan moden.

Sejajar dengan hasrat Dasar Pertanian Negara dan Dasar Pertanian Melaka yang digubal pada tahun 1984 dalam mempertingkatkan kuantiti bahan pengeluaran pertanian, sektor getah tidak terkecuali daripada fokus pembangunan komoditi di negeri ini. Sungguhpun, tumpuan lebih berorientasikan kepada tanaman-tanaman kekal lain seperti koko dan kelapa sawit, namun tidak bererti bahawa tanaman getah terus dipinggirkan. Kerajaan kekal dengan pendirian untuk menjadikan getah terus berperanan sebagai penyumbang utama bagi KDNK negara. Oleh kerana itu, sektor kebun kecil di Melaka terus dipergiatkan untuk menjalankan kerja-kerja penanaman semula terutama bagi kawasan-kawasan getah yang telah matang dan tua untuk digantikan dengan penanaman baru. Usaha ini tidak lain dibantu dengan penglibatan agensi-agensi pertanian persekutuan dan negeri yang banyak melaksanakan program-program berbentuk latihan, penyediaan insentif bantuan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam menyahut hasrat kerajaan. Segala bentuk rancangan pembangunan sektor getah yang berjalan selepas daripada kemelesetan ekonomi dunia menyaksikan berlaku peningkatan keluasan penanaman dalam sektor kebun kecil sekaligus membantu meningkatkan taraf hidup pekebun getah di negeri ini.

## **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana memberi dorongan dalam menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaya atas dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.



---

## **Biodata**

\*Muhammad Hafizi Bin Rahmat ([hafizi.rahmat1991@gmail.com](mailto:hafizi.rahmat1991@gmail.com)) (corresponding author) merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

\*\* Profesor Madya Dr Arbai'yah Mohd Noor ([arbaiyah@um.edu.my](mailto:arbaiyah@um.edu.my)) ialah Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 19 November 2024

Reviewed: 19 November 2024

Accepted: 29 November 2024

## **Nota**

- <sup>1</sup> Rancangan Malaysia Keempat Negeri Melaka 1981-1985, Melaka: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Ketua Menteri Melaka, 1980, p. 31.
- <sup>2</sup> Surat Unit Perancang dan Penyelarasan Negeri Melaka bertarikh 25 Oktober 1984 dalam JKMM. SULIT. 261/3/(36), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka, 26 Oktober 1984.
- <sup>3</sup> Report No. 3814-MA Document The World Bank - Staff Appraisal Report Malaysia: Malacca Agricultural Development Project, April 26, 1982, Agriculture Division 5 Project Department East Asia and Pacific Regional Office, 1982.
- <sup>4</sup> Drabble, J.H, "The Rubber Industry in Melaka", in Kernial, S.S & Wheatly. P. (ed.), Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400-1980: Volume 1, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, p.
- <sup>5</sup> Ahmad, Rozaini and Mohd Anas Shafiq., "Penglibatan Orang Cina dalam Sektor Perladangan Getah di Kedah 1909-1941", *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol.48, No. 1, April 2021, p. 47.
- <sup>6</sup> Jarman, R.L. *Annual Report Of The Straits Settlements 1855-1941*, 1998, Slough, UK Archive Editions, p. 314.
- <sup>7</sup> Edward Alexander Morphy, "Gigantic Rubber Deal", *The Straits Times*, 8 May, 1905, p.8.
- <sup>8</sup> Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1986, p. 218.
- <sup>9</sup> Abdullah, Mohd Shukri, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. p. 145.
- <sup>10</sup> Ismail, Mohd Nasir dan Muhammad, Ahmad Fuad, "Pembangunan Kawasan di Malaysia", dalam King, V.T dan Mohd Jali, Nazaruddin (ed.), *Isu-isu Pembangunan Luar Bandar di Malaysia*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992, p. 58.
- <sup>11</sup> Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka, 1981, p. 7.
- <sup>12</sup> Abidin, Nurdiyawati., *Sejarah Pembangunan Pertanian Negeri Melaka di bawah Agensi Pertanian Persekutuan, 1970-1990*, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Sosial Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018. p. 78.
- <sup>13</sup> Mohd Asri Nor Ain, Abdul Karim Zulkefly, Md.Tahir, Md.Zyadi dan Endut, Wook., "Impak Hasil Berasaskan Petroleum Terhadap Perbelanjaan Awam di Malaysia", *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Vol. 47, Issue. 1, 2013, p. 13.
- <sup>14</sup> Surat Pejabat Pertanian Negeri Melaka/Negeri Sembilan yang bertarikh 28 Ogos 1985 dalam PRK. N. M. 05/62 (60), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka, 26 Oktober 1984. p. 3.
- <sup>15</sup> Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1986, p. 47.
- <sup>16</sup> Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1981, p. 263.
- <sup>17</sup> Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, p. 73.
- <sup>18</sup> Rancangan Malaysia Keempat Negeri Melaka 1981-1985, Melaka: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Ketua Menteri Melaka, 1980, p. 20.

- <sup>19</sup> Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Melaka 1987-2010, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 1987, p. 25.
- <sup>20</sup> Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1977, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, 1978, p. 15.
- <sup>21</sup> Melaka Masterplan Study: Final Report Executive Summary, Prime Minister's Department Economic Planning Unit and Melaka State Economic Planning Unit, 1984, p. 25.
- <sup>22</sup> Surat Pejabat Pertanian Negeri Melaka/Negeri Sembilan yang bertarikh 28 Ogos 1985 dalam PRK. N.M. 05/62 (60), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian negeri Melaka, 26 Oktober 1984. p.4.
- <sup>23</sup> Surat Pejabat Pertanian Negeri Melaka/Negeri Sembilan yang bertarikh 28 Ogos 1985 dalam PRK. N. M. 05/62 (60), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka, 26 Oktober 1984. p. 6.
- <sup>24</sup> Surat Unit Perancang dan Penyelaras Negeri Melaka bertarikh 25 Oktober 1984 dalam JKMM. SULIT. 261/3/(36), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka, 26 Oktober 1984.
- <sup>25</sup> Surat Pejabat Pertanian Negeri Melaka/Negeri Sembilan yang bertarikh 28 Ogos 1985 dalam PRK. N. M. 05/62 (60), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka, 26 Oktober 1984. p. 8.
- <sup>26</sup> Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1986, p. 80.
- <sup>27</sup> Laporan Tahunan RISDAMelaka 1996, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah Negeri Melaka, 1996, p. 7.
- <sup>28</sup> Melaka Masterplan Study: Final Report Executive Summary, Prime Minister's Department Economic Planning Unit and Melaka State Economic Planning Unit, 1984, p. 41.
- <sup>29</sup> Laporan Ekonomi Malaysia 1981/1982, Kementerian Kewangan Malaysia, 1981, p.116.
- <sup>30</sup> Abdul Talib, Kegiatan RISDA di Melaka: Satu Tinjauan Mengenai Rancangan Tanam Semula Kajian Kes di Masjid Tanah, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, 1989, p. 31-32.
- <sup>31</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, (Penggal Kedua), 27 Oktober 1980, p. 4294.
- <sup>32</sup> Abdullah, Mohd Shukri, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. p. 215.
- <sup>33</sup> Laporan Ekonomi Malaysia 1981/1982, Kementerian Kewangan Malaysia, 1981, p.116.
- <sup>34</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggal Ketiga), 10 Mac 1989, p. 739.
- <sup>35</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, (Penggal Keempat), 14 Mac 1986, p. 562.
- <sup>36</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggal Kedua), 14 Mac 1988, p. 38.
- <sup>37</sup> Project Completion Report: Malacca Agricultural Development Project, The World Bank, 14 May 1992, p. v.
- <sup>38</sup> Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1986, p. 307.
- <sup>39</sup> Laporan Tahunan RISDA Melaka 1994, Perbadanan Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Melaka, 1994, p. 5.
- <sup>40</sup> Ibid., pp. 6.
- <sup>41</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, (Penggal Kedua), 28 Mac 1984, p. 1686.
- <sup>42</sup> Nursyazana, M.F, & Khairul Anuar, M.M.R, "Isu dan Impak Perkembangan Penanaman Getah di Perak, 1958-1984", *Sejarah: Journal of History Department University of Malaya*, Vol.2, No.32, 2023, p. 182.
- <sup>43</sup> Project Completion Report: Malacca Agricultural Development Project, The World Bank, 14 May 1992, p. 10.
- <sup>44</sup> Laporan Tahunan RISDA Melaka 1990, Perbadanan Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Melaka, 1990, p. 38.
- <sup>45</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggal Kedua), 29 Jun 1988, p. 3026.
- <sup>46</sup> Abdul Talib, Kegiatan RISDA di Melaka: Satu Tinjauan Mengenai Rancangan Tanam Semula Kajian Kes di Masjid Tanah, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, 1989, p. 64.
- <sup>47</sup> Laporan Tahunan RISDAMelaka 1996, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah Negeri Melaka, 1996, p. 16.

<sup>48</sup> Laporan Tahunan RISDA Melaka 1994, Perbadanan Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Melaka, 1994, p. 17.

## Rujukan

Abdul Talib., Kegiatan RISDA di Melaka: Satu Tinjauan Mengenai Rancangan Tanam Semula Kajian Kes di Masjid Tanah, Latihan Ilmiah. Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, 1989.

Abdullah, Shukri., *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Abidin, Nurdiyawati., Sejarah Pembangunan Pertanian Negeri Melaka di bawah agensi Pertanian Persekutuan, 1970-1990, *Tesis Sarjana*. Jabatan Sejarah Fakulti Sains Sosial Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018.

Ahmad, Rozaini & Ayob, Mohd Anas Shafiq., “Penglibatan Orang Cina dalam Sektor Perladangan Getah di Kedah 1909-1941”, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 48, No. 1, 2021.

Edward Alexander Morphy, “Gigantic Rubber Deal”, *The Straits Times*, 8 May, 1905.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Melaka 1987-2010.

Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka 1981.

Kementerian Kewangan Malaysia, Laporan Ekonomi Malaysia 1981/1982.

Kernial, S.S & Wheatly. P., (Eds.). *Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400-1980*, Volume I, Oxford University Press: 1983.

Kim, K.K., “Melaka Dalam Zaman Moden”, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 9, No.3, 1980.

Nor Ain, M.A, Zulkefli, A.K, Md Zyadi, M.T, & Wook, E., “Impak Hasil Berasaskan Petroleum Terhadap Perbelanjaan Awam di Malaysia”, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Vol. 47, Issue. 1, 2013.

Nursyazana, M.F, & Khairul Anuar, M.M.R., “Isu dan Impak Perkembangan Penanaman Getah di Perak, 1958-1984”, *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 32, No. 2, 2023.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, (Penggali Keempat), 14 Mac 1986.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, (Penggalaan Kedua), 28 Mac 1984.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, (Penggalaan Kedua), 27 Oktober 1980.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggalaan Ketiga), 10 Mac 1989.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggalaan Kedua), 14 Mac 1988.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggalaan Kedua), 29 Jun 1988.

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, 1977.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Melaka, Laporan Tahunan RISDA Melaka, 1990.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Melaka, Laporan Tahunan RISDA Melaka, 1994.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Melaka, Laporan Tahunan RISDA Melaka, 1996.

Prime Minister's Department Economic Planning Unit & Melaka State Economic Planning Unit, Melaka Masterplan Study: Final Report Executive Summary, 1984.

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1981.

Rancangan Malaysia Keempat Negeri Melaka 1981-1985, Melaka: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 1980.

Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1986.

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991.

Report No. 3814-MA Document The World Bank - *Staff Appraisal Report Malaysia: Malacca Agricultural Development Project*, April 26, 1982, Agriculture Division 5 Project Department East Asia And Pacific Regional Office, 1982.

Surat Pejabat Pertanian Negeri Melaka/Negeri Sembilan yang bertarikh 28 Ogos 1985 dalam PRK. N. M. 05/62 (20), Ringkasan Strategi Dan Program Pembangunan Pertanian di bawah Dasar Pertanian Negara, 7 September 1985.

Surat Unit Perancang dan Penyelarasan Negeri Melaka yang bertarikh 25 Oktober 1984 dalam JKMM. SULIT. 261/3/(36), Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka, 26 Oktober 1984.

The World Bank, Project Completion Report: Malacca Agricultural Development Project), 14 May 1992.

Unit Perancang dan Penyelarasan Negeri Melaka. *Ringkasan Deraf Dasar Pertanian Negeri Melaka*. Melaka : Jabatan Ketua Menteri Melaka, 1984.